berbangkit pelbagai isu sehingga boleh menjejaskan kerukunan dan perpaduan dalam negara kita, antaranya kenyataan-kenyataan yang menyentuh isu perkauman dan keagamaan oleh sebilangan penjawat awam.

3. Kerajaan amat memandang serius perkara ini dan sehubungan ini setiap penjawat awam diingatkan supaya tidak membuat sebarang kenyataan yang secara langsung atau tidak langsung boleh ditafsirkan sebagai menghina atau merendah-rendahkan sesuatu kaum dan agama dalam apa juga tujuan dan keadaan. Perbuatan yang sedemikian itu boleh diertikan sebagai mencemarkan nama dan imej Perkhidmatan Awam serta tidak bertanggungjawab ialtu melanggar tata kelakuan penjawat awam di bawah Peraturan 4(2)(d) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

TANGGUNGJAWAB AGENSI

4. Semua agensi Kerajaan adalah dikehendaki mengambil tindakan serta-merta lagi tegas ke atas mana-mana anggota agensi masing-masing yang mengeluarkan kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama, berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Kerajaan juga telah memutuskan supaya tindakan menggantung mana-mana penjawat awam yang didakwa mengeluarkan kenyataan sedemikian dari tugasnya diambil dengan serta-merta sementara menunggu siasatan lanjut. Langkah ini adalah untuk meredakan ketegangan yang mungkin timbul berikutan kenyataan berunsur hasutan yang dikeluarkan itu.

PEMAKAIAN

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.